

22 SEP 2000

Kedutaan-tahanan/I

TIGA TAHANAN MALAYSIA MASIH SELAMAT, KATA DUTA

Oleh: Arul Rajoo

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Tiga rakyat Malaysia yang diculik dari pulau peranginan Padanan, Sabah dipercayai masih selamat, kata Duta Malaysia ke Filipina Arshad Hussein.

Beliau berkata kedutaan itu telah diberitahu oleh sumber ketenteraan Filipina bahawa tahanan itu masih hidup, tetapi mereka dibawa berpindah-pindah oleh pihak penculik.

"Mereka masih belum ditemui setakat ini tetapi tentera percaya mereka masih hidup," katanya semasa dihubungi di Manila hari ini.

Ditanya kemungkinan mereka yang ditahan di Jolo telah dipindahkan ke pulau lain untuk mengelakkan operasi tentera, Arshad berkata terdapat spekulasi mengenainya tetapi ia tidak dapat disahkan oleh tentera.

Ketiga-tiga rakyat Malaysia itu diculik pada 10 Sept, sehari selepas 20 tahanan daripada 21 yang diculik pada 23 April dari Pulau Sipadan, Sabah dibebaskan.

Pengurus Pandanan Semporna Island Resort, Mohamad Noh Sulaiman, 43, jurulatih penyelam Joe Joseph Jongkinoh, 40, dan kontraktor Kan Wei Chong, 35, diculik oleh sekumpulan orang bersenjata dan dipercayai dibawa ke Jolo, kira-kira 960 km ke selatan Manila.

Di samping tahanan Malaysia itu, kumpulan bersenjata itu juga menahan seorang rakyat Amerika Syarikat (AS) dan 13 rakyat Filipina. Pada Rabu lepas dua wartawan Perancis yang ditahan kumpulan itu sejak 9 Julai, berjaya melarikan diri berikutan serangan tentera terhadap pihak penculik.

Arshad berkata beliau diberikan jaminan oleh pihak berkuasa Filipina bahawa keutamaan mereka adalah untuk menyelamatkan semua tahanan.

"Tidak timbul soalan berkaitan pemberian keutamaan terhadap sesetengah tahanan sahaja," katanya semasa diminta mengulas laporan media asing bahawa pihak berkuasa Filipina memberikan keutamaan terhadap pembebasan tahanan AS, dan sebelum ini tahanan Perancis.

Beliau berkata kesemua rundingan dengan kumpulan bersenjata itu telah ditangguhkan berikutan serangan tentera yang dimulakan sejak Sabtu lepas.

Sementara itu, setiausaha DAP Kerk Kim Hock meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya secara peribadi memberitahu Presiden Filipina Joseph Estrada berkaitan kebimbangan Malaysia tentang keselamatan ketiga-tiga tahanan dari Malaysia.

Dalam satu kenyataan di sini, beliau berkata kerajaan juga perlu mengadakan talian telefon bebas tol bagi membolehkan keluarga tahanan mendapatkan maklumat berbaru berkaitan keluarga mereka yang ditahan dan operasi ketenteraan yang dilakukan.

"Ini bagi menamatkan kerisauan mereka yang hanya mendapat berita dari akhbar dan rakan-rakan," katanya.

Kerk berkata parti itu menyokong kenyataan Dr Mahathir semalam bahawa rakyat Filipina yang lari ke Malaysia berikutan serangan tentera itu akan dilayan sebagai pelarian perang dan bukannya pendatang haram.

-- BERNAMA

AR ZS RI